

Sinar Harian - 30/5/16

Platform pendidikan serampang dua mata

Program 2U2i fokus kebolehpasaran pelajar IPTA selepas tamat belajar

KUALA NERUS – Sebanyak lima Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) terpilih sebagai perintis bagi Program 2U2i yang merupakan program belajar sambil bekerja yang akan dilaksanakan September ini dengan menyasarkan 80 peratus kebolehpasaran pelajar apabila tamat belajar.

Antara lima IPTA yang terpilih adalah Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, program kerjasama dengan industri itu akan menyaksikan pelajar menggunakan kaedah belajar di universiti selama dua tahun dan dua tahun belajar sambil menimba pengalaman di industri.

“Program 2U2i ini merupakan usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran, ketersediaan dan kemahiran pelajar IPTA untuk alam pekerjaan, pengalaman industri kerana ia dilihat amat penting dalam berhadapan dengan



Idris (empat, kanan) menyempurnakan gimik pelancaran Program 2U2i di Unisza.

cabaran semasa kini.

“Ia juga dilihat antara platform terbaik yang bersifat serampang dua mata kerana membantu universiti memperkukuhkan hubungan dengan industri bagi saling bekerjasama bagi mengangkat pendidikan tinggi negara terus memacu kecemerlangan.

“Malah, kementerian juga berhasrat untuk melahirkan bakat terpelajar yang bukan sahaja memiliki pengetahuan, kemahiran dan asas eti-

ka yang mantap dan berdaya tahan tinggi bagi meneroka peluang-peluang baharu dan beralih daripada suasana mencari kepada penjana pendapatan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada Majlis Perasmian Pelancaran Program 2U2i di Dewan Perdana, Unisza Kampus Gong Badak, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan

Tinggi, Datuk Dr. Asma Ismail, Pengerusi Lembaga Pengarah Unisza, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom dan Naib Canselor Unisza, Prof. Datuk Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif.

Tambah beliau, kelima-lima universiti yang terpilih dalam program perintis itu menawarkan kursus untuk ijazah sarjana muda yang berbeza mengikut keutamaan atau kepakaran masing-masing.